



مجلس باندراي ملاك برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja berikut :

| BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA | SYARAT PENDAFTARAN | HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP |
|--|--|---|----------------------------|---|
| MBMB/SH/2022/145 MEMBEKAL DAN MENGHANTAR POKOK RENEK UNTUK TAPAK SEMAIAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH TARIKH KELULUSAN : 23/9/2022 NO. FAIL JABATAN MBMBJKP.400-1/2/219 | <u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u> 070201 - Tanaman / Baka / Benih Semaian ATAU ; 222104 – Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman / Hutan dan Ladang Hutan | <u>HARGA</u> RM20.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 23 September 2022 (Jumaat) sehingga 3 Oktober 2022 (Isnin) | TIADA | <u>TARIKH</u> 3 Oktober 2022 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. |

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM20.00 bermula pada **23 September 2022 (Jumaat)** sehingga **3 Oktober 2022 (Isnin)**

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kawangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PKP
Ketua Audit Dalam